

MAHATHIR-NILAI

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 PAGI 25 MEI

1984

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN PERBUATAN KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU YANG MENGEKSPLOITASI HASRAT KERAJAAN MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN DENGAN MEMBAWA TAFSIRAN-TAFSIRAN YANG EKSTRIM TENTANG ISLAM SEHINGGA MENGANGGU PENTADBIRAN.

PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENENTANG HABIS-HABISAN KUMPULAN-KUMPULAN TERSEBUT YANG SENGAJA MENIMBULKAN MASALAH DENGAN TAFSIRAN YANG SEMPIT DAN KETERLALUAN.

BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-35 DI HOTEL HILTON DI SINI DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA KUMPULAN-KUMPULAN ITU SENGAJA MENGGAMBARAKAN ISLAM SEBAGAI AGAMA YANG TIDAK TOLERAN SEHINGGA KAKITANGAN KERAJAAN YANG BERGAMA ISLAM DILARANG BERKAWAN DENGAN BUKAN ISLAM DAN MENGUNJUNGI MEREKA PADA HARI KEBESARAN.

TUMPUAN, KATANYA, TIDAK DIBERIKAN KEPADA SOAL KHIDMAT YANG BAIK DAN PEGANGAN KEPADA JANJI DAN IKRAR (SEBAGAI KAKITANGAN KERAJAAN) TETAPI KEPADA SOAL +HARAM-HARAM+ YANG TAFSIRANNYAPUN DIBUAT MENGIKUT NASFU.

TAFSIRAN YANG DIBUAT SEBEGITU EKSTRIM SEHINGGA ADA PEGAWAI YANG TIDAK MAHU MENYENTUH KERTAS YANG ADA BERTULIS PERKATAAN +BABI.+ -- LAGI 08007SL

ZCZC 8516

MAHATHIR-NILAI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

ADA YANG SANGGUP MENUKAR ARAHAN KETUA KERANA KONONNYA TIDAK SECOCOK DENGAN FAHAMAN EKSTRIM MEREKA DAN ADA PULA YANG BERPENDAPAT BAHAWA PENERAPAN NILAI ISLAM BERMAKNA MEMAKAI CADOR TETAPI KERANA GAJI MEREKA MASIH SANGGUP BEKERJA DI PEJABAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KUMPULAN-KUMPULAN ITU JUGA LANGSUNG TIDAK MEMBERI TEKANAN KEPADA SOAL AMANAH, DISIPLIN, KESETIAAN DAN LAIN-LAIN NILAI KONONNYA ITU SEMUA SAMA DENGAN NILAI-NILAI SEJAGAT DAN OLEH ITU BUKAN NILAI ISLAM YANG KHUSUS.

+NILAI ISLAM, KATA MEREKA, IALAH YANG MENGASINGKAN ORANG ISLAM DARIPADA YANG BUKAN ISLAM,+ TEGASNYA.

BELIAU MENEGASKAN WALAUPUN WUJUD PENYELEWENGAN-PENYELEWENGAN INI, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENJAYAKAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN.

PENERAPAN NILAI-NILAI INI AKAN MEMBENTUK KERAJAAN YANG LEBIH ADIL DAN LEBIH BERKESAN. SEMUA RAKYAT, DARI APA JUA KAUM ATAU AGAMA, AKAN MENDAPAT KEBAHAGIAN DARIPADA PENTADBIRAN YANG DIASASKAN KEPADA NILAI-NILAI ISLAM.

+SEGALA USAHA UNTUK MENGKHIANATI HASRAT INI AKAN GAGAL, INSYA

4,+ KATANYA. -- LAGI 08047SL

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS PIHAK-PIHAK YANG MEMBUAT KRITIK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SLOGAN-SLOGAN YANG DICIPTA OLEH KERAJAAN.

SLOGAN-SLOGAN INI YANG BANYAK DIBUAT SEJAK TIGA TAHUN YANG LALU, KATANYA, ADALAH SATU CARA MENYEDAR DAN MEMBERI PANDUAN KEPADA RAKYAT SUPAYA BERUSAHA MENCAPAI SESUATU MATLAMAT.

+TETAPI WALAUPUN SLOGAN DICIPTA DENGAN TUJUAN YANG BAIK, IA SERING DIJADIKAN SASARAN KRITIK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.+

SALAH SATU SLOGAN YANG MENJADI SASARAN IALAH +KEPIMPINAN MELALUI TELADAN+ YANG BERMaksud SUPAYA RAKYAT SEMUA, TERUTAMA YANG MENJADI PEMIMPIN, MENUNJUKKAN TELADAN YANG BOLEH DICONTOKI DAN YANG AKAN MEMBAWA KEBAIKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA PEMIMPIN DAN RAKYAT ADALAH MANUSIA BIASA YANG TIDAK LEPAS DARIPADA MEMBUAT KESILAPAN. PENDEK KATA TIDAK ADA SIAPA YANG BOLEH DIJADIKAN CONTOH BAIK SERATUS-PERATUS SEPANJANG MASA.

+OLEH ITU JANGANLAH SENGAJA Mencari KESALAHAN PEMIMPIN SUPAYA KITA BOLEH MENOLAK SERIBU KEBAIKAN YANG BOLEH DICONTOKI. JANGAN BEGITU GEMBIRA APABILA TERDAPAT KESALAHAN.

+DAN JANGAN BEGITU GHAIRAH MEMEKIK CAKAP TIDAK SERUPA BIKIN, +PERBUATAN INI CUMA MENGHALANG USAHA KITA UNTUK MEMBENTUK MASYARAKAT YANG LEBIH BAHAGIA,+ TEGASNYA. -- LAGI 0808/SL

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA YANG SALAH PATUT DIDEDAH DAN DIHUKUM TETAPI JANGALAH IA DIJADIKAN ALASAN BAGI SESEORANG ITU TIDAK PERLU MENCONTOHI TELADAN YANG BAIK.

+BUANGLAH YANG BERUH DAN AMBILLAH YANG JERNIH.+ -- BERNAMA 0810/SL